

180 pelajar UPM sertai kempen buah pinggang

SERAMAI 180 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) menyertai konvoi berbasikal, bermotosikal dan berjalan kaki sambil mengedarkan risalah kepada orang ramai bagi menyokong Kempen Kesedaran Penyakit Buah Pinggang sempena Hari Buah Pinggang Sedunia Peringkat Kebangsaan 2009, di Hospital Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Pensyarah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM, Prof Madya Dr Latiffah A Latiff, berkata seramai 51 pelajar berbasikal sejauh lapan kilometer dari Hospital Serdang ke universiti itu.

Katanya, 50 lagi berjalan kaki sambil mengedarkan risalah mengenai penyakit buah pinggang bagi meningkatkan kesedaran masyarakat kepentingan, fungsi dan langkah penjagaan buah pinggang.

"Bakinya menyertai konvoi motosikal bermula dari Hospital Serdang ke Bangi sebelum kembali semula ke hospital berkenaan," katanya.

Majlis perasmian disempurnakan Timbalan Naib Canselor (TNC) Jaringan Industri dan Masyarakat, Prof Dr Tai Shzee Yew.

“Bakinya menyertai konvoi motosikal bermula dari Hospital Serdang hingga ke Bangi sebelum kembali semula ke hospital berkenaan”

**Dr Latiffah
A Latiff**

Pensyarah
Fakulti Perubatan dan
Sains Kesihatan, UPM

Hadir sama, TNC Penyelidikan dan Inovasi, Prof Dr Abu Bakar Salleh dan TNC Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Dr Azali Mohamed.

Program itu dianjurkan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia dan Persatuan Nefrologi Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan.

Kegiatan lain turut dianjurkan kaunseling pemakanan, pameran kesihatan, pertandingan mewarna, unit pemeriksaan kesihatan bergerak, motorthon dan basikalthon.



PESERTA Kempen Kesedaran Penyakit Buah Pinggang bergambar selepas mengikuti program itu di UPM, baru-baru ini.